



PEKELILING AKADEMIK BIL. 15/2021

Semua Dekan Fakulti/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

PENAWARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2020/2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pendaftaran Kursus Semester 3 Sesi Akademik 2020/2021 akan dibuka kepada pelajar mulai **31 Mei hingga 6 Jun 2021**. Perkuliahan pula akan bermula pada **2 Ogos 2021 secara dalam talian**. Sehubungan itu, bagi Fakulti/Pusat yang merancang untuk menawarkan kursus pada Semester 3 Sesi Akademik 2020/2021 adalah diminta memasukkan maklumat penawaran kursus ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) mulai **24 hingga 30 Mei 2021**. Pihak Fakulti/Pusat perlu mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah dimasukkan nama pensyarah yang terkini. Sekiranya terdapat kursus yang diajar oleh pensyarah luar UKM, **nama pensyarah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** bagi memudahkan pemantauan.
- ii. Jumlah had pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan hendaklah dinyatakan dengan tepat berdasarkan jumlah had pelajar yang dipersetujui oleh pensyarah untuk mengikuti kelas secara dalam talian.
- iii. Set kursus mengikut Taraf Kursus Fakulti/Program/Tahap Pelajar hendaklah dinyatakan bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar dan penjadualan kuliah.
- iv. **Penawaran kursus bagi pelajar ambilan di bawah Pusat Kembangan Pendidikan hanya ditetapkan kepada dua (2) sahaja iaitu tahap Antarabangsa Khas (bagi pelajar Bukan Warganegara) dan tahap Prasiswazah (bagi pelajar Warganegara)**. Oleh itu, penetapan set dan had pelajar perlu diselaraskan dengan mengambil kira bilangan pelajar bagi kedua-dua tahap tersebut.
- v. Mengemaskini **kursus setara** bagi memudahkan proses penjadualan kuliah dan penjadualan peperiksaan akhir semester.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

3. Sebarang pertanyaan dan bantuan yang diperlukan, pihak Fakulti/Pusat boleh menghubungi:

Prasiswazah

En. Muhamad Izham Azmil di talian 03-8911 8451/ emel: muhamadizham@ukm.edu.my

Pascasiswazah

Puan Zaimi Makhtar di talian 03-8911 8388/ emel: zaimi@ukm.edu.my

Kerjasama pihak Fakulti/Pusat adalah sangat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



ROHANA TAN

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
- Pengarah
Pusat Kembangan Pendidikan
- Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my